

Kecenderungan dalam sesuatu bidang beri kesan motivasi dalam pembelajaran

BH/10.03.22/m/s 02

Oleh **Muhamad Lokman Khairi**
bhpendidikan@bh.com.my

Khamis lalu debaran seramai 403,637 orang calon Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2022 akhirnya tamat susulan pengumuman keputusan peperiksaan itu yang menyaksikan sejumlah 10,109 calon berjaya mendapat semua A dalam semua subjek.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) turut mengumumkan Gred Purata Nasional (GPN) 2022 lebih baik iaitu 4.74 berbanding 4.86 pada tahun 2021.

Justeru ke mana haluan selepas SPM? Adakah minat memainkan peranan utama apabila seseorang itu melanjutkan pengajian? Atau ia hanya berteraskan keputusan akademik semata-mata?

Bagi Pengarah Pusat Inisiatif Pemodelan Pendidikan (NiCE), Universiti Pendidikan Sultan Idris, Dr Kama Shafeei, kecenderungan dan minat seseorang pelajar adalah faktor yang perlu diambil kira apabila dia mahu melanjutkan pelajaran.

Faktor minat ini katanya akan memberi kesan jangka panjang dalam pembelajaran atau latihan yang diikuti.

“Minat akan memberi impak kepada motivasi dalaman individu itu untuk menguasai pembelajaran disamping sokongan persekitaran yang kondusif.

“Malah ia turut mempengaruhi fokus seseorang itu. Keadaan ini akan bertambah baik jika dia turut mendapat sokongan moral tenaga pakar profesional bidang, rakan sebaya dan suntikan semangat daripada ibu bapa.

“Malah, pengaruh minat ini juga membantu memberi peluang kepada lepasan pelajar SPM lebih yakin dalam bidang yang dipilih,” katanya.

Minat akan memberi impak kepada motivasi dalaman individu itu untuk menguasai pembelajaran disamping sokongan persekitaran yang kondusif. Malah, pengaruh minat ini juga membantu memberi peluang kepada lepasan pelajar SPM lebih yakin dalam bidang yang dipilih



Dr Kama Shafeei
Pengarah Pusat Inisiatif Pemodelan Pendidikan (NiCE), UPSI



Fokus

Minat pengaruhi pemilihan jurusan

Lebih fokus

Tegas Kama, secara umum kelulusan akademik yang baik memudahkan seseorang pelajar memilih jurusan yang diinginkan. Namun dengan adanya minat, pelajar akan lebih mampu memberi yang terbaik dalam bidang yang dipilih.

Justeru katanya, pelajar perlu bijak memilih bidang jurusan dengan mengambil kira faktor minat selain bakat atau kebolehan sedia ada dalam diri mereka supaya latihan atau pembelajaran yang diikuti dapat memberi nilai tambah.

Apatah lagi katanya, minat dalam bidang tertentu juga mampu membentuk nilai-nilai positif dalam diri seseorang itu. Malah minat dalam bidang tertentu membuatkan pelajar itu lebih mampu bersaing dan berdaya cipta pada masa depan.

Kama berkata, setiap pelajar mempunyai minat yang berbeza-beza justeru mereka berhak memilih hala tuju sendiri. Justeru laluan menyambung penga-



Skop kerja yang dekat dengan minat terhadap alam sekitar membuatkan Muhammad Afiq teruja.

jian sama ada universiti awam atau swasta perlu dikaji sedalam-dalamnya.

“Kajian ini sebenarnya penting supaya apabila tamat nanti ia akan memberi peluang pekerjaan yang lebih luas dan bermakna.

“Misalnya jika dia berminat dalam bidang kemahiran, perlu difikirkan tempat latihan yang sesuai dan terbaik bagi membentuk kemahiran yang diceburi,” katanya.

Tegas Kama, apa yang penting adalah mereka mempunyai maklumat yang cukup merangkumi peluang pendidikan dan kerjaya. Pada usia 18 tahun, mereka seharusnya tahu pendidikan adalah ‘senjata’ dalam menentukan masa depan seseorang individu masa kini.

Selamatkan penyu

Sementara itu bagi lepasan Ijazah Sarjana Muda Sains Marin Universiti Malaysia Terengganu

(UMT), Muhammad Afiq Karim, 23, dia memang memilih jurusan berkenaan kerana minatnya terhadap Biologi terutama hal-hal berkaitan alam sekitar dan haiwan.

Kongsi Muhammad Afiq, dia tidak ada cita-cita khusus untuk membina kerjaya dalam bidang-bidang tertentu sebaliknya ketika menyambung pengajian, beliau hanya mahu belajar dalam bidang yang diminatinya.

“Saya sukakan Biologi dan hal-hal berkaitan alam sekitar. Jadi sewaktu mengisi borang kemasukan ke universiti, saya memang memilih Sains Marin.

“Saya tidak fikir hendak kerja apa selepas itu cuma mahu belajar tapi dalam masa sama masih juga berdoa untuk mendapat pekerjaan dalam bidang yang berkait rapat dengan pengajian saya,” katanya.

Muhammad Afiq berkata, sebaik tamat pengajian dia memperoleh pekerjaan di Pusat Konser-

vasi Penyu Lang Tengah Turtle Watch di Pantai Chakar Hutun, Terengganu sebagai pengumpul data.

Katanya, secara umum skop tugasnya adalah meronda pantai pada waktu malam bagi mengenalpasti sarang penyu betina bertelur.

Kerjaya itu kata Muhammad Afiq bertepatan dengan minat peribadi terhadap pemuliharaan alam sekitar dan ia sangat membantunya untuk melunaskan tugas dengan sepenuh hati.

“Saya selalu teruja dengan kerjaya ini. Misalnya apabila menyelamatkan penyu memang kami petugas di sini akan lakukan sepenuh hati.

“Apabila menyelamatkan telur penyu, kita alihkan ia dari sarang asal ke sarang buatan yang dipanggil sebagai ‘hatchery’ (tempat penetasan), tujuannya adalah bagi mengurangkan risiko pemangsa dan pencuri telur.

“Telur penyu mengambil masa antara 45 sehingga 60 hari untuk menetas, anak-anak penyu kemudiannya akan dilepaskan ke laut antara jam tujuh malam hingga tujuh pagi bagi mengurangkan risiko pemangsa aktif pada siang,” katanya.

Kongsi Muhammad Afiq, setiap kali melepaskan anak penyu ke laut, dia merasakan satu kelegaan dan kebahagiaan yang tidak boleh diungkapkan dengan kata-kata.

Tambahnya pekerjaannya juga merangkumi pengumpulan daya biometrik merangkumi jumlah penyu bertelur, jumlah pendaratan, suhu serta jumlah sarang dan telur yang berjaya diselamatkan.

“Data ini biasanya kami kongsi kepada Jabatan Perikanan, pemberi dana dan juga masyarakat umum menerusi laman web rasmi serta media sosial,” katanya.